

Pelan vaksin COVID-19 negara ambil masa 18 bulan - Khairy

Nailah Huda

Januari 14, 2021 18:38 MYT



Kata Khairy Jamaluddin, dewasa sihat bawah usia 60 tahun dan bukan merupakan petugas barisan hadapan dijangka hanya dapat menerima vaksin pada suku ketiga tahun ini atau kemudian. Foto - AP

KUALA LUMPUR: Program vaksinasi COVID-19 negara dijangka mengambil masa sehingga 18 bulan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Khairy Jamaluddin dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tegas Ahli Parlimen Rembau itu, negara perlu fleksibel dalam mengimbangi portfolio vaksin yang mungkin berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada data klinikal yang sentiasa melalui perubahan.



Berita Berkaitan

Lagi

MALAYSIA

1:00

AWANI Ringkas:
Banjir Sarawak makin buruk | KDNK Malaysia dijangka 7.5% pada 2021

MALAYSIA

26:50

Realiti Rakyat | Pemulihan: Apa nasib industri pelancongan kita?



MALAYSIA

Datuk Abdul Aziz Jusoh dilantik Ketua Pengarah JAKIM

MALAYSIA

28:55

AWANI Pagi: Berita tumpuan & kemas kini COVID-19 [15 Januari 2021]



Restoran di Jalan

Khairy menjelaskan tentang proses penerimaan vaksin secara berperingkat serta rasional untuk mengutamakan beberapa golongan berisiko, seperti petugas barisan hadapan dan warga emas.

Dewasa sihat bawah usia 60 tahun dan bukan merupakan petugas barisan hadapan dijangka hanya dapat menerima vaksin pada suku ketiga tahun ini atau kemudian.

"Sangat penting untuk kita mengurus jangkaan atau *manage expectations*. Penghantaran pertama pada bulan Februari bukanlah bermakna semua orang akan menerima vaksin pada bulan tersebut juga.

"Ada beberapa ahli politik juga yang menyatakan Malaysia boleh mengadakan pilihan raya pada bulan Mac kerana beranggapan pada bulan tersebut, semua orang telah menerima vaksin," kata beliau.

Pada 8 Januari lalu, Khairy mengumumkan bahawa vaksin Pfizer-BioNTech berjaya didaftar oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), sekali gus memberi kelulusan bersyarat untuk penggunaan vaksin itu di negara ini.

Beliau turut memberi jaminan bahawa Malaysia masih menjadi antara negara paling awal menerima vaksin COVID-19 di Asia Pasifik, meskipun Singapura dan Indonesia telah melancarkan program vaksinasi masing-masing.

Jelasnya, kedua-dua negara jiran itu mempunyai kelebihan daripada segi kewangan serta kebolehan untuk menjalankan ujian klinikal vaksin.

"Singapura berkeupayaan untuk meletakkan wang pendahuluan yang besar kepada calon-calon vaksin," kata Khairy.



Berita Terkini

[Lagi](#)

**Gempa bumi kuat
landa Sulawesi,
Indonesia**



**COVID-19: Perancis
perketat sempadan
kekang varian
baharu**



**Datuk Abdul Aziz
Jusoh dilantik Ketua
Pengarah JAKIM**



**Restoran di Jalan
Tugu terbakar**

DUNIA

**COVID-19: Angka
korban global 1.99
juta**

**Dapatkan
berita terkini
melalui emel
anda**



Emel Anda

DAFTAR

Kata beliau, Singapura memperuntukkan lebih S\$1 bilion bagi memvaksin rakyatnya yang merupakan populasi jauh lebih kecil berbanding di Malaysia.

Indonesia turut mula memvaksin rakyatnya semalam setelah mendapat akses awal kepada vaksin Sinovac kerana dapat menjalankan ujian klinikal di negara itu.


"Ujian klinikal vaksin Sinovac bermula pada tahun lalu dan semasa Malaysia menawarkan kepada pihak Sinovac untuk menjadi lokasi ujian klinikal, jumlah kes positif dan kadar jangkitan di Malaysia adalah sangat rendah.

"Oleh itu, Sinovac tidak menyenaraikan Malaysia ke dalam program ujian klinikal fasa ketiga mereka kerana ujian klinikal hanya berkesan di lokasi yang mempunyai kes serta kadar jangkitan yang tinggi."

Setakat ini, kerajaan telah menandatangani beberapa perjanjian untuk mendapatkan bekalan vaksin bagi rakyat, termasuk Pfizer-BioNTech, AstraZeneca-Universiti Oxford dan COVAX.


#vaksin #COVID-19 #Khairy Jamaluddin
#Bahagian Regulatori Farmasi Negara #program vaksinasi
#MOSTI #Pfizer #BioNTech #AstraZeneca
#Universiti Oxford #COVAX #Singapura #Indonesia
#vaccine #KJ

Juga Menarik Dari Laman Web



DARI LAMAN
WEB

**Malaysian
Citizens
could
benefit fro...**
smartrading....



DARI LAMAN
WEB

**Invest now \$
250 in
Companies
like Amaz...**
pinkmoonltd....



DARI LAMAN
WEB

**The
Transparent
Face Mask
has Just...**
ClearShield™



DARI LAMAN
WEB

**Analysis:
Photo in
Xi's office
holds sec...**
Nikkei Asia



DARI LAMAN
WEB

**Trevor Noah
Picks up
\$27.5 Million
Bel Air...**
Mansion Global

Recommended by

[POLISI PRIVASI](#) [TERMA PENGGUNAAN](#) [PELABUR](#)